

6,000 murid khatam al-Quran serentak

SEREMBAN 11 Nov.— Seramai 6,000 murid dari negeri ini mencipta sejarah khatam al-Quran secara serentak pada Majlis Khatam al-Quran Perdana Sekolah Peringkat Negeri Sembilan 2010 di Stadium Tertutup Nilai, dekat sini hari ini.

Program pertama kali itu menyaksikan kesemua peserta terbahit yang membanjiri stadium berkenaan memperdengarkan bacaan al-Quran masing-masing sambil dipimpin oleh guru Sekolah Kebangsaan Taman Sri Mawar di sini, Najib Nubhan Khairudin.

Perasmian majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Hadir sama Pengarah Pelajaran negeri, Abdul Halim Abdul Razak; Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelajaran dan Pengajian Tinggi negeri, Datuk Shamsulkuhar Mohd. Deli serta beberapa Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Menurut seorang peserta, Zaharul Aman Mohd. Rafee, 12, dari Sekolah Kebangsaan Sikamat di sini, dia amat gembira kerana diberi peluang menyertai program sedemikian.

“Saya bersyukur kerana terpilih untuk khatam al-Quran secara beramai-ramai bersama rakan-rakan sekolah yang lain.

“Alhamdulillah, dapat juga saya

melakukannya sebelum melangkah ke sekolah menengah,” katanya.

Bagi murid Sekolah Kebangsaan Dato’ Shahbandar, Labu Hilir di sini, Shafiq Afry Julaizy, 12, program itu membolehkannya menimba pengalaman baru.

“Saya rasa ini pertama kali murid sekolah rendah menjalankan upacara khatam al-Quran beramai-ramai. Bukan mudah untuk melakukannya serentak dan pengalaman berharga ini akan saya ceritakan kepada rakan-rakan lain,” ujarnya.

Seorang lagi peserta, Kamillah Nor Abd. Rahman, 12, berasa amat gembira sebaik bacaan al-Quran diperdengarkan di stadium itu.

“Ia menaikkan semangat saya apabila kami memulakan bacaan yang bergema di seluruh ruang stadium ini,” jelas murid Sekolah Kebangsaan Dato’ Shahbandar itu.

Murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Seremban, Mohd. Nasrul Hakimi Norisham, 10, yang cacat penglihatan berterima kasih kerana diberi peluang membaca al-Quran serentak dengan murid lain pada program tersebut.

“Ini kali pertama saya khatam al-Quran dan saya berharap program ini diteruskan lagi pada tahun hadapan,” katanya yang membaca al-Quran dalam tulisan braille.



SEBAGIAN peserta yang hadir pada Majlis Khatam al-Quran Perdana Sekolah-Sekolah Program KAPJ-QAF,SAR Peringkat Negeri Sembilan 2010 di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan, semalam. —UTUSAN/MD.SHAHJEHAN MAAMIN.